

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
KAMPUNG JIMAH BARU, NEGERI SEMBILAN
MAJLIS PERASMIAN SUKAN RAKYAT DAN KEGIATAN WANITA
PROGRAM KAMPUNGKU
25 MEI 1991

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Datin Hajah Hazizah bte Hj Tumin, Puan Fauziah Hamid,
Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Rasah; Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan
tuan-tuan sekalian,

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan sukan rakyat dan kegiatan wanita, sempena dengan pelancaran program kampungku hari ini.

2. Saya rasa terharu dengan ingatan jawatankuasa pengelola serta penduduk kampung ini untuk menganugerahkan Selendang Ibu Setia kepada saya sempena pelancaran program kampungku pagi tadi. Penyampaian ini amat bererti bukan kepada saya secara peribadi, tetapi kepada kita semua selaku pendokong dan pemimpin wanita yang mengejar kemajuan.

3. Penganjuran kedua-dua acara pada petang ini menepati hasrat kita bersama untuk menyokong usaha-usaha memajukan masyarakat kampung masa kini. Dengan mengadakan aktiviti tradisi yang kita warisi sekian lama, kita dapat menghidupkan kemeriahan corak kehidupan di desa.

4. Sesungguhnya, matlamat utama kita hari ini adalah untuk menyatupadukan masyarakat kampung dengan kegiatan-kegiatan yang menarik dan boleh disertai oleh pelbagai peringkat masyarakat. Kita tidak mahu masyarakat desa hidup dalam keadaan statik, sehingga tidak ada nilai-nilai persefahaman yang boleh menjalinkan ikatan kekeluargaan sepertimana yang terdapat di zaman lampau.

5. Kegiatan-kegiatan seperti sukan rakyat dan aktiviti wanita, meskipun di lihat sebagai satu skop kegiatan ringan, tetapi banyak membawa makna kepada generasi hari ini. Penganjuran yang kerap akan melahirkan satu budaya yang berterusan di kalangan generasi akan datang untuk menyuburkan kegiatan-kegiatan yang telah sama-sama dipelopori dan dihayati selama ini. Justeru itu, acara-acara budaya seumpama ini haruslah diberikan perhatian yang serius oleh para pemimpin tempatan. Inisiatif awal hendaklah dijalankan oleh pemimpin-pemimpin setempat terutama kaum wanita bagi meneruskan cita-cita bersama bagi mengimbas kembali akan semangat persaudaraan yang padu, yang kita rintis di zaman nenek moyang dahulu.

6. Sehubungan dengan ini, saya menyarankan agar usaha-usaha yang lebih bersepadu dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sosial dan kebajikan di kampung-

kampung bagi mengelolakan aktiviti-aktiviti pembangunan sosioekonomi seperti ini. Aktiviti-aktiviti sampingan seperti ini bukan begitu sukar untuk dianjurkan. Ia juga bukan memerlukan perbelanjaan yang banyak. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh memikirkan sesuatu demi untuk menarik perhatian generasi muda kita hari ini terus memupuk tali persaudaraan berasaskan semangat kampung.

Puan-puan dan tuan-tuan,

7. Para pemimpin yang mengetuai badan-badan kebajikan dan sosial hari ini hendaklah bersedia melahirkan barisan pemimpin pelapis untuk meneruskan perjuangan memajukan bangsa. Kita tidak boleh bergantung harapan kepada barisan pemimpin yang ada, tanpa membuat persediaan yang rapi dengan membentuk barisan kedua. Dengan ertikata lain, pembahagian tanggungjawab dalam memimpin badan-badan yang bersifat agen kemajuan kampung hendaklah diselaraskan dengan baik supaya perubahan dan penyambungan kepimpinan itu berjalan dengan licin.

8. Objektif kita tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menempatkan masyarakat desa sekarang separas dengan para penduduk di kawasan perbandaran. Keletakan tempat tinggal dan kedaifan dan kekurangan prasarana di setengah-setengah perkampungan tidak boleh dijadikan ukuran mutlak. Sebaliknya, ia hendaklah disepadankan dengan semangat yang kental, hasil dari rasa keinsafan yang mendalam terhadap urutan sejarah dan latar belakang hidup masyarakat terdahulu yang rata-ratanya adalah jauh lebih sukar dan mundur dibandingkan dengan keadaan hari ini.

Puan-puan dan tuan-tuan,

9. Marilah kita sama-sama memandang jauh ke hadapan untuk menerapkan suatu pendekatan baru kepada tenaga-tenaga penting dalam kemajuan hari ini. Kehadiran kita bukan hanya untuk menyelesaikan permasalahan jangka pendek, yakni bagi tempoh lima atau sepuluh tahun, bahkan jika termampu untuk tempoh yang lebih panjang bagi berpuluh dekad yang akan datang. Dengan pencapaian yang lebih memberangsangkan kita hari ini, maka amat wajar untuk kita melipatgandakan usaha dan tenaga bagi menghasilkan suatu pencapaian yang lebih gemilang.

10. Ke semua ini memerlukan gabungan yang kuat daripada kita sekalian. Tidak ada cara yang lebih berkesan untuk memajukan masyarakat selain daripada empertingkatkan tahap kesedaran mereka. Harapan kita ialah untuk memastikan kejayaan yang lebih cemerlang di kalangan masyarakat kita. Ia tidak boleh kurang daripada itu.

Puan-puan dan tuan-tuan,

11. Akhirnya, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penganjur di atas usaha cemerlang yang telah dijalankan bagi mengendalikan majlis pada petang ini. Kemeriahan yang sama-sama kita rasai petang ini dengan sendirinya memperlihatkan potensi program ini dalam memberikan wadah baru kepada perjuangan semasa. Marilah sama-sama kita

manfaatkan pertemuan seumpama ini dengan harapan dan impian yang tinggi demi mengembalikan maruah bangsa dan negara.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.